

Headline	Ketum bantu cegah kerosakan hati buah pinggang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1246 cm ²
Journalist	LAPORAN KHAS SIRII	AdValue	RM 50,951
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,853



Ketum bantu cegah kerosakan hati, buah pinggang

LAPORAN KHAS SIRI 1

PENYELIDIK Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini berjaya membuktikan bahawa daun ketum mempunyai khasiat dan mempunyai nilai perubatan yang selama ini sering dianggap memberi kesan negatif mereka yang mengambilnya.

Kejayaan mereka sebenarnya bukan baharu. Akhbar ini pada awal tahun lalu melaporkan tentang

kejayaan penyelidik FRIM menemukan khasiat positif ketum untuk membantu dalam bidang perubatan.

Walau bagaimanapun, penyelidikan yang masih di peringkat awal itu memerlukan kajian lanjutan

untuk pembuktian menerusi ujian klinikal dan efikasi yang memerlukan analisis terhadap manusia.

Kajian lanjut diteruskan oleh sekumpulan enam penyelidik FRIM dan baru-baru ini mengukir kejayaan

baharu apabila mendapati kajian mereka memberi kesan perlindungan-organ hati atau hepar dan perlindungan-organ buah pinggang.

Penyelidikan yang diketuai oleh **Abd. Rashid Li** menunjukkan sebatian *flavonoid* dan sebatian *saponin* daripada ekstrak air daun ketum atau nama saintifiknya, *Mitragyna speciosa* terhadap kesan toksik yang disebabkan

oleh sebatian ubatan komersial yang diberi pada dos berlebihan kepada tikus-tikus uji kaji menunjukkan hasil positif.

“Inovasi ini merupakan kajian lanjutan daripada kajian ketum sebelum ini.

Fraksi ekstrak ini yang terdiri daripada antara 60 peratus hingga 70 peratus jumlah kandungan sebatian *flavonoid glikosida* dan 14 peratus hingga 16 peratus jumlah kandungan sebatian *saponin*.

“Pada dos efektif ia (ekstrak) sangat berpotensi untuk melindungi atau bertindak sebagai perisai bagi organ-organ hati dan buah pinggang tikus-tikus ujian daripada dirosakkan oleh radikal-radikal bebas dan bahan-bahan toksin hasil aruhan atau pemberian ubatan komersial seperti *paracetamol* dan *furosemide* pada dos yang tinggi kepada tikus-tikus tersebut berbanding dengan kumpulan-kumpulan kawalan yang lain, “katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Berkongsi lebih lanjut beliau berkata, ekstrak berkenaan mengandungi sebatian *flavonoid glikosida* dan sebatian *saponin*. Kedua-dua sebatian tersebut mengandungi sifat antiradang dan antioksidan.

Katanya, sebatian-sebatian tersebut akan meneutralkan

MUKADIMAH

RAMAI daripada kita membuat pelbagai dakwaan mengenai khasiat sesuatu herba tetapi ia kebanyakannya berasaskan kepada pengetahuan tradisional (TK) yang diwarisi turun temurun.

Laporan khas mini oleh wartawan *Utusan Malaysia*, LAUPA JUNUS mengupas serba sedikit mengenai dakwaan khasiat herba yang berasaskan kepada kajian makmal dan bukti saintifik hasil penyelidikan saintis tempatan.

Headline	Ketum bantu cegah kerosakan hati buah pinggang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1246 cm ²
Journalist	LAPORAN KHAS SIRII	AdValue	RM 50,951
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,853

dan menyingkirkan bahan-bahan radikal bebas yang terbentuk dengan banyak di dalam tubuh akibat tindak balas atau kesan metabolisme ubat-ubatan yang diambil secara berlebihan. Sebatian-

sebatian ini juga berfungsi mengurangkan kesan inflamasi pada organ-organ tersebut yang disebabkan oleh radikal-radikal bebas.

Justeru kejayaan tersebut kata beliau dapat membantu mengatasi masalah berkaitan kegagalan fungsi organ-organ hati dan buah pinggang yang telah dilaporkan semakin hari semakin banyak.

“Oleh itu, inovasi ini dibangunkan bagi membantu golongan-golongan ini dan juga golongan yang berisiko,” ujarnya sambil memberitahu bahan yang digunakan adalah daun ketum urat hijau dan menggunakan teknik *refluks* serta pelarut organik.

Selain beliau, turut terlibat dalam penyelidikan tersebut adalah Nor Hidayatul Khamariah Zainul Abidin (Ketua Projek), Dr. Mohd. Kamal Nik Hasan (Ketua Projek Bersama), Mohd. Radzi Ahmad (Pembantu Penyelidik) dan dua pembantu penyelidik iaitu Muhammad Khair Mohd. Ayob dan Azman Mohamed.

Kata **Mohd. Kamal**, teknologi tersebut sudah sedia untuk dikomersialkan jika ada sokongan daripada mana-mana pihak sama ada kerajaan dan swasta bagi melonggarkan Akta Racun 1952 serta peruntukan dana bagi menubuhkan fasiliti penghasilan ekstrak air ketum terpiawai berskala industri serta terkawal.



Sebatian-sebatian tersebut akan meneutralkan dan menyingkirkan bahan-bahan radikal bebas yang terbentuk dengan banyak di dalam tubuh akibat tindak balas atau kesan metabolisme ubat-ubatan yang diambil secara berlebihan.”

ABD. RASHID LI



SERBUK daun ketum. >>



MOHD. KAMAL NIK HASAN



KAJIAN FRIM membuktikan daun ketum mempunyai khasiat dan mempunyai nilai perubatan.



Headline	Ketum bantu cegah kerosakan hatif buah pinggang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1246 cm ²
Journalist	LAPORAN KHAS SIRII	AdValue	RM 50,951
Frequency	Daily	PR Value	RM 152,853



TANAMAN ketum di kawasan rumah adalah senario biasa di beberapa negeri yang menjadi masalah apabila daun berkenaan disalah guna.